

11 OCT 2002

Chua-Buta

54,000 RAKYAT MALAYSIA BUTA KEDUA-DUA BELAH MATA

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Kira-kira 54,000 rakyat Malaysia buta kedua-dua belah mata mengikut kajian mata kebangsaan 1996, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini.

Beliau berkata kajian itu turut mendapati seramai 460,000 rakyat Malaysia cacat penglihatan mereka.

Sebahagian besar daripada insiden kebutaan itu boleh dielakkan kerana kebanyakan daripada penyebab kebutaan seperti penyakit retinopati diabetes boleh dicegah atau dikawal, katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Hari Penglihatan Sedunia 2002 di di KLCC.

Majlis itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Teknologi sains kini membolehkan kebutaan dirawat, seperti pembedahan yang boleh dilakukan untuk merawat katarak, di mana status penglihatan pesakit masih boleh dikekalkan," katanya.

Chua berkata Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah pencegahan termasuk melatih jururawat masyarakat secara khusus untuk mengenal pasti, merawat dan merujuk pesakit yang memerlukan rawatan lanjutan.

Kini ada 190 pakar mata di seluruh negara, 54 daripadanya berkhidmat di 32 hospital kerajaan yang memberi khidmat klinik pakar mata, katanya.

Chua berkata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sekurang-kurangnya tujuh juta penduduk dunia menjadi buta setiap tahun. Seorang dewasa dijangka menjadi buta setiap lima saat manakala seorang kanak-kanak setiap minit.

Apa yang menyedihkan ialah kira-kira 90 peratus daripada masalah kebutaan ini berlaku di negara sedang membangun.

Kini terdapat 135 juta orang mengalami kecacatan penglihatan di seluruh dunia dan daripada jumlah itu 45 juta penduduk dunia adalah buta dalam definisi individu yang tidak berupaya mengira jari dalam keadaan terang pada jarak tiga meter.

Sempena pelancaran Hari Penglihatan Sedunia hari ini Dr Mahathir turut menandatangani deklarasi sokongan kepada projek sedunia "Vision 2020: The Right To Sight".

Projek itu yang akan berlangsung sehingga tahun 2020, bertujuan membasmi kebutaan yang boleh dielak, melalui kerjasama 26 pertubuhan antarabangsa termasuk WHO.

-- BERNAMA

AFY AHH NMO